

Tujuan contohi Jepun

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, tujuan beliau mencontohi cara Jepun dan Korea Selatan adalah untuk mengekalkan sifat dan nilai-nilai negara yang sedia ada di samping dapat menyerap teknologi negara-negara itu bagi pembangunan

negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, selama ini negara terlalu bergantung kepada pemindahan teknologi barat dengan menghantar beribu-ribu warganegara belajar dan menuntut ilmu di barat.

Mereka ini telah didedah kepada berbagai pengaruh dan nilai-nilai kebudayaan barat," katanya ketika menjawab soalan lisan Senator Datuk Choo Ching Hwe mengenai perkara tersebut.

Untuk mengimbangkan keadaan ini, tambah beliau, adalah elok negara ini menoleh ke timur kerana kemajuan teknologi di negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan tidak kurang tingginya.

"Saya begitu tertarik hati dengan pendekatan orang-orang Jepun dan Korea Selatan terhadap pekerjaan.

"Orang-orang Jepun khususnya mempunyai etika bekerja sesuatu pekerjaan seperti semangat bekerja mereka yang bersungguh-sungguh dan ini akan mengeluarkan keluaran yang tinggi, tegasnya lagi.

"Dari negeri Jepun juga, kata Perdana Menteri, Malaysia ingin mencontohi sifat-sifat pendekatan teknikal dan saintifik di dalam bidang pelajaran dan teknologi, etika bekerja yang diapalkan oleh pekerja-pekerja di negara tersebut dan pembangunan industri berat dan separuh berat.

Dari Korea Selatan pula, Malaysia tertarik dengan teknologi pembinaan dan penyusunan semula sistem pertanian dan juga pembangunan industri-industri kecil.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia